

kosmo 6/4/2012 MS 26

# Menangani isu penyimbang asid

Ada individu yang mendapat kepuasan dalaman dengan melihat mangsanya meronta-ronta, menderita dan memohon simpati meminta pertolongan. Ia diistilahkan sebagai *sexual sadisme* walaupun tidak semestinya kepuasan itu perlu ada kaitan dengan hubungan seks.

psikologi & masyarakat

Oleh MOHD. AWANG IDRIS  
mohdawang@gmail.com  
Pensyarah Psikologi di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya



**K**EKEJAMAN manusia adakalanya di luar batas jangkauan pemikiran kita. Kejadian simbah asid yang sedang menular dalam masyarakat, kini menjadi ancaman baharu kepada kehidupan kita semua.

Ia menjadi satu fenomena yang pelik kerana adakalanya mangsa diserang tanpa sebab oleh penyerang yang tidak juga mengenali mangsa.

Kejadian simbah asid ini nampaknya berlaku di negara sedang membangun khususnya di Asia dan Afrika. Negara seperti Kemboja, Jamaica, India dan Bangladesh merupakan antara negara yang sering dikaitkan dengan kes keganasan simbah asid.



SESEORANG berkemungkinan menjadi mangsa simbahan asid akibat daripada masalah rumah tangga, cemburu dan curang.

MANGSA simbahan asid perlu menjalani rawatan pemulihan yang kerap dan perlu menangani masalah rendah diri.

Umumnya mangsa ialah wanita, walaupun ada juga kes-kes di Uganda misalnya, menunjukkan lelaki lebih banyak menjadi mangsa. Ini kerana mangsa biasanya diserang dalam kejadian rompakan dan peras ugut.

Perangkaan juga merekodkan pelbagai sebab mangsa diserang. Ia bergantung kepada budaya dan faktor ekonomi sesebuah masyarakat.

Di Bangladesh dan China, dalam banyak kejadian, kebanyakan wanita atau gadis yang menjadi mangsa simbah asid dijadikan sasaran kerana menolak cinta atau konflik dalam hubungan rumahtangga.

Walaupun serangan boleh juga berlaku kepada lelaki, tetapi di India, majoriti mangsa ialah wanita. Punca utamanya ialah cemburu, dendam atau pertelingkahan mengenai harta.

Penyerang pula biasanya menjadikan muka atau bahagian depan anggota tubuh sebagai sasaran. Ada juga kes serangan yang dilakukan kepada anggota kelamin, khususnya dalam kes yang melibatkan penderaan rumah tangga.

Tindakan menggunakan asid ini mudah difahami, kerana motif utamanya adalah bukan untuk membunuh, sebaliknya bagi memusnahkan masa depan mangsa akibat menanggung kecacatan seumur hidup, hilang keyakinan diri, putus asa dan hilang statusnya dalam masyarakat.

Sungguhpun begitu, dalam banyak kejadian yang berlaku di Malaysia,

timbul pula persoalan mengapa ada manusia yang sanggup menyimbah asid ke tubuh manusia lain, yang tidak pernah mereka kenali?

Dalam kata lain, mengapa mangsa diserang oleh individu yang tidak dikenali dan tanpa sebarang sebab yang pasti. Ada pula mangsa itu merupakan pelajar sekolah yang secara logiknya, tidak ada kena mengena dengan isu dendam atau konflik lain seperti orang dewasa. Adakah perbuatan menyimbah asid ini menjadi kesukaan baharu masyarakat kita?

### Celaru personaliti

Walaupun sebabnya boleh jadi pelbagai faktor, tetapi memang ada manusia yang mempunyai kecelaruan personaliti yang pelik.

Ada individu yang mendapat kepuasan dalaman dengan melihat mangsanya meronta-ronta, menderita dan memohon simpati meminta pertolongan. Ia diistilahkan sebagai *sexual sadisme* walaupun tidak semestinya kepuasan itu perlu ada kaitan dengan hubungan seks. Ia sekadar halusinasi mereka bagi mencapai kepuasan. Perogol dan pembunuh bersiri dikatakan mempunyai personaliti pelik ini.

Misalnya, dalam satu kejadian yang berlaku di Itali sekitar tahun 1995-1997, seorang lelaki, Ben Mohammed Ezzedine Sabai dikatakan telah membunuh 15 wanita, kesemuanya berusia 70 tahun ke atas, kecuali tiga mangsa, ke-

banyakan mangsa ditikam di bahagian leher, terutamanya pada bahagian kiri. Semua ini dilakukan bagi mendapatkan kepuasan dalamannya sahaja.

Mengapa membunuh wanita tua yang tidak ada hubungan dengan-nya?

Sekitar lewat tahun 1950-an, Garvey Glatman, dikatakan sebagai pembunuh bersiri pertama yang suka mengambil gambar mangsanya. Ini juga satu pengalaman yang pelik bagi manusia normal seperti kita. Itulah kejanggalan manusia yang adakalanya tidak mampu kita huraikan sebabnya.

Mereka mendapat kepuasan dengan melihat manusia lain menderita. Kepuasan yang ingin mereka dapatkan ini selalunya menyusahkan orang lain, malah membuatkan anggota masyarakat berasa tidak lagi selamat berada di tempat awam.

### Kawal penjualan

Pihak berwajib khususnya, perlu mengambil langkah yang wajar bagi menangani gejala dan kesan yang timbul diakibatkan oleh kecenderungan manusia tidak bertanggungjawab yang sedang merosakkan masyarakat ini.

Selain mengawal penjualan semua bentuk bahan kimia yang berbahaya, masyarakat juga perlu didedahkan dengan langkah kecemasan sekiranya mereka diserang.

Hukuman yang lebih berat juga perlu dikenakan ke atas pelaku yang ber-

salah. Begitu juga dengan melakukan kempen memberikan maklumat kepada masyarakat mengenai rawatan segera bagi kes berkaitan dengan serangan asid ini.

Memperbanyakkan pemasangan kamera di tempat awam dan kawasan yang ada potensi berlakunya jenayah juga mungkin salah satu daripada jaluannya. Sebelum ini, kegagalan kita untuk menahan pelaku simbah asid tidak memungkinkan kita untuk mengetahui punca sebenar mereka berbuat demikian.

Adakah simbah asid ini dilakukan kerana ingin mendapatkan keseronokan, ketagihan dadah atau ada sebab-sebab lain yang mungkin boleh membantu kita mencari punca sebenar mengapa ada individu yang bertindak secara janggal dan merosakkan manusia lain.

PENULIS ialah pensyarah psikologi di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Beliau memiliki kelulusan doktor falsafah dalam bidang psikologi dari University of South Australia. Beliau telah memulakan kerjaya di pelbagai organisasi swasta sebelum menceburkan diri dalam dunia akademik. Kajian beliau banyak tersiar di beberapa buah jurnal antarabangsa.